



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



ISO 9001 : 2008
KLR 0403621

Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD3(20)

NOTIS PELABUHAN BIL.57/2018 LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

TARIKH	:	15 OGOS 2018
KEPADА	:	OPERATOR PELABUHAN, MALIM PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, PEMILIK TERMINAL, JETI PERSENDIRIAN DAN PENGGUNA PENGGUNA PELABUHAN
PERKARA	:	TAMBAHAN KEPADA NOTIS PELABUHAN BIL. 20/05/2014 – GARIS PANDUAN PELAYARAN DI DALAM HAD PELABUHAN PASIR GUDANG

Untuk makluman berkuatkuasa serta merta, garis panduan pelayaran ini adalah terpakai kepada semua jenis kapal yang memasuki, belayar, navigasi dan berlabuh di dalam had Pelabuhan Pasir Gudang seperitama berikut:

1. Semua kapal wajib melapor ke VTMS LPJ menggunakan kod panggilan (*Call Sign*) Johor Port Control pada saluran VHF 11 (*VHF Channel 11*) apabila memasuki dan meninggalkan had Pelabuhan Pasir Gudang.
2. Semua kapal wajib menggunakan perkhidmatan malim di dalam Daerah Pemaliman yang telah diwartakan. Daerah Pemaliman adalah seperti dinyatakan dalam Notis Pelabuhan Bil. 20/05/2014.
3. Nakhoda (*Master*) kapal bertanggung jawab untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh “*Port Control Station*” dan malim-malim yang bertugas memanduarah kapal yang diterima melalui radio (*VHF Channel 11*) serta sentiasa melapor kedudukan kapal.
4. Penggunaan *auto-pilot* di dalam kawasan ini adalah tidak dibenarkan sama sekali.

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	:	07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	:	07-507 1978 (TEL.) 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	:	02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	:	http://www.lpj.gov.my e-mail: admin@lpj.gov.my

5. Setiap kapal wajib memastikan alat/sistem 'Automatic Identification System' (AIS) sentiasa berfungsi dengan baik dalam keadaan terpasang (*switch "ON" mode*) pada setiap masa.
6. Setiap kapal perlu mengekalkan kelajuan yang tidak melebihi 12 *knots* di kawasan alur pelayaran dan tidak melebihi 6 *knots* apabila melalui kawasan pelabuhan dan ternakan kupang.
7. Nakhoda (Master) kapal perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan termasuk "*International Regulations For Preventing Collisions at Sea 1972 as Amended*", *East Johore Straits (EJS) Guidelines*, Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan Malaysia 1963 (Pindaan 1992) termasuk Undang-undang Kecil Pelabuhan dan apa-apa jua Akta/Undang-Undang/Ordinan/Pekeliling dan apa-apa peraturan yang digunakan di dalam perairan pelabuhan.

Adalah ditegaskan sekiranya terdapat sebarang pelanggaran peraturan yang disebutkan di atas, mana-mana pihak terlibat boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963 (Pindaan 1992) yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

b/p 
MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
 razifahmad@lpj.gov.my